

Kolokium FPEP UMS ke arah hasilkan penyelidikan relevan

UB 13.4.2017 B6

KOTA KINABALU: Kolokium Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS) anjuran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) mampu menyemarakkan budaya penyelidikan yang berterusan dalam kalangan komuniti penyelidik, khususnya dalam kalangan pelajar pascasiswazah, sekali gus akan memupuk kreativiti dan inovasi yang sangat berguna untuk pembangunan mapan negara.

Hal itu dinyatakan Dekan FPEP Prof Madya Dr Raman Noordin pada majlis perasmian kolokium berkenaan, baru-baru ini.

Menurut beliau selain bertindak sebagai ruang untuk membentangkan idea dan dapatan penyelidikan, para pelajar pascasiswazah juga berpeluang membentuk rangkaian penyelidik bersama rakan-rakan pelajar yang mempunyai bidang kajian yang sama.

"Ini akan memberi nilai tambah kepada kajian penyelidikan sedia ada, selain menjadi platform untuk mendapatkan pelbagai input berguna terhadap tahap dan teknik kajian para pelajar yang membuat pembentangan," katanya.

Pada kolokium itu, Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS Prof Dr Rasid Mail menekankan kepentingan menghasilkan penyelidikan yang relevan dengan realiti cabaran dunia, semasa ucap tama beliau.

Katanya fokus penyelidikan perlu memenuhi kehendak dan trend pada masa kini.

"Dengan kata lain, hasil penyelidikan para penyelidik



KAMISAN (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Raman.

kelak hendaklah berupa sesuatu kaedah atau alat yang boleh terus diaplikasi dan menyelesaikan pelbagai isu yang menjadi punca kepada penyelidikan itu dijalankan," katanya.

Kolokium itu turut mengetengahkan beberapa ahli akademik tempatan yang pakar dalam bidang masing-masing, antaranya pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Sabah Prof Madya Dr Imbarine Bujang.

Beliau berkongsi dengan para peserta kolokium mengenai kepentingan hala tuju dan objektif utama seseorang itu dalam menyambung pengajian ke peringkat sarjana atau doktor falsafah. Dengan demikian, para pelajar tidak mudah hilang fokus sepanjang tempoh pengajian mereka.

Pensyarah FPEP Dr Janice Nga semasa sesinya pula berkongsi idea menghasilkan suatu penyelidikan yang mungkin kecil pada pandangan

sesetengah orang tetapi mempunyai impak yang besar kepada masyarakat. Inilah sikap positif yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar pascasiswazah.

Sementara itu, pengerusi penganjur kolokium Dr Kamisan Pusiran yang juga Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah FPEP berkata kolokium itu adalah satu manifestasi FPEP dalam membantu para pelajar pascasiswazah memperbaiki kaedah penyelidikan.

"Rata-rata pelajar khususnya dari UMS dan UiTM Kampus Sabah yang membentangkan perkembangan penyelidikan mereka berpuas hati dengan ilmu dan pengalaman yang ditimba selama dua hari kolokium itu diadakan.

"Kita berharap ini akan memberi motivasi kepada pengajian mereka agar dapat menyelesaikan hasil penyelidikan mereka dan bergraduat pada masa yang ditetapkan," katanya.



PARA pensyarah dan pelajar pascasiswazah merakamkan kenangan.